Umat Islam diseru segera bertaubat

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa menyertai Sembahyang Sunat Gerhana Bulan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umat Islam supaya melakukan perkara-perkara yang berkebajikan seperti berdoa, berzikir, bersembahyang, bertakbir, bersedekah dan beristighfar apabila berlakunya gerhana.

Perkara tersebut antara intipati kandungan khutbah khas mengenai fenomena gerhana bulan pada Sembahyang Sunat Gerhana Bulan yang dikhatibkan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS), Awang Zulkifli bin Haji Murat di Masjid berkenaan, di sini.

Oleh itu, beliau menyeru umat Islam agar segera bertaubat atas segala dosa yang dilakukan serta menghindari dari melakukan perkara-perkara yang mungkar dan maksiat serta perbuatan syirik yang bercanggah dengan ajaran agama Islam apabila berlakunya gerhana.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Terdahulu sebelum khutbah, acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib, Sunat Hajat, Sunat Gerhana Bulan Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid yang juga mengimamkan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Gerhana merupakan suatu kejadian memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya sepertimana terjadinya siang dan malam.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU serta para penduduk sekitarnya.

Gerhana Bulan paling pendek Kurun Ke-21



MAJLIS Cerapan Gerhana Penuh Bulan dimeriahkan dengan ceramah-ceramah di antaranya ceramah astronomi bertajuk 'Fenomena Gerhana dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam' oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Sayyed Abdul Hamid al-Mahday.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) dengan kerjasama Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Cerapan Gerhana Penuh Bulan bertempat di Dermaga Diraja, di sini.

Cerapan Gerhana Penuh Bulan yang bermula pada pukul 6.00 petang hingga 10.00 malam itu juga diisikan dengan cerapan cakerawala dan pameran astronomi, di samping mengadakan Solat Gerhana secara berjemaah di Surau Dermaga Diraja.

Selain itu, ia turut diserikan lagi dengan Ceramah Awam yang bertajuk 'Fenomena Gerhana dan hikmahnya menurut perspektif Islam' dari Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Sayyed Abdul Hamid al-Mahdaly.

Dr. Sayyed Abdul Hamid al-Mahdaly antara lain menjelaskan, fenomena gerhana di dalam Islam merupakan salah satu tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketika berlakunya gerhana jelasnya, Islam menganjurkan umatnya untuk melaksanakan Solat Gerhana dan memperbanyakkan zikir dan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Di dalam Islam, merupakan salah satu tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala Gerhana Matahari dan Gerhana Bulan ini, Allah menampakkan supaya hambanya takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, supaya sentiasa mengingat Allah Subhanahu Wata'ala dan supaya cepat-cepat kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kembali kepada kebenaran yang telah ditegaskan oleh Al-Qur'an," ujarnya.

Di Negara Brunei Darussalam hari ini, Gerhana Bulan mula dapat dicerap sejurus ia terbit dalam keadaan gerhana separa pada pukul 6.22 petang, manakala pada pukul 7.58 malam, fasa gerhana penuh bermula, keseluruhan rupa bulan kelihatan kelam dan berwarna merah kerana terselindung oleh bayangan bumi, iaitu Umbra.

Julat waktu fasa gerhana penuh agak pendek, iaitu kurang lima (5) minit kerana laluan bulan merentasi bayang bumi di penjuru sempadan Umbra malah tempoh gerhana penuh bulan kali ini merupakan yang paling pendek dalam Kurun Ke-21.

Bulan mula keluar dari Umbra pada pukul 8.03 malam secara perlahan objek samawi ini mula memantulkan cahaya matahari dan sebahagian permukaan bulan masih berkeadaan gelap.

Gerhana berakhir apabila keseluruhan bulan keluar dari bayang bumi, Umbra pada pukul 9.45 malam pada waktu yang sama, purnama kelihatan bersinar terang seperti pada kebiasaannya.

Gerhana Bulan adalah selamat untuk dilihat dengan mata kasar dan tempat yang sesuai untuk mencerap fenomena ini ialah di kawasan yang ufuk sebelah Timur tidak terhalang kerana kedudukan bulan adalah sangat rendah di langit Timur dari negara ini.

Gerhana Bulan berlaku apabila bulan merentasi tepat di belakang bumi dan berada dalam bayang-bayang bumi yang gelap, iaitu Umbra dan kejadian semula jadi ini jarang dan hanya berlaku apabila matahari, bumi dan bulan adalah sejajar dengan bumi tepat di tengah-tengah.

Fenomena alam ini akan turut diamati oleh sebahagian besar kawasan dunia, iaitu Asia, Australia, Pasifik, Amerika Utara dan Selatan.

Fenomena Gerhana Bulan akan datang dan boleh disaksikan dari negara ini pada 7 atau 8 Ogos 2017 namun ia adalah gerhana separa dan antara fenomena astronomi yang menarik ialah Gerhana Matahari yang akan dijangka berlaku dari negara ini pada 9 Mac 2016 dengan lebih 90 peratus cakera matahari ditutupi oleh bulan.

ORANG ramai berpeluang menyaksikan Gerhana Bulan penuh menggunakan peralatan yang disediakan oleh Jabatan Ukur dan Persatuan Astronomi Brunei Darussalam di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

Pelbagai aktiviti dianjurkan oleh Perpustakaan KHEU

ANTARA aktiviti yang disediakan sempena cuti sekolah penggal pertama anjuran Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Pelbagai aktiviti dianjurkan oleh Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi anak-anak pegawai dan kakitangan di kementerian berkenaan sempena cuti penggal pertama persekolahan tahun ini.

Aktiviti cuti selama tiga hari itu telah disertai oleh lebih 50 orang anak-anak pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bermula 1 April lalu hingga 4 April 2015.

Antara kegiatan-kegiatan yang diisikan dalam aktiviti tersebut ialah lawatan ke Badan Kemajuan Industri Brunei dan Gardenia Food Industries, Kuiz, Peraduan tulisan khat, mewarna serta menyelesaikan *puzzle* berkumpulan.

Acara tahun ini juga melihat penambahan baru dalam aktiviti-aktiviti iaitu aktiviti Bacaan Jawi, Hafalan Surah Lazim dan sesi suai-kenal dimana setiap peserta hendaklah memperkenalkan diri di hadapan ramai.

Sehubungan itu, majlis penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta bagi aktiviti-aktiviti yang diikuti diadakan hari itu dan penyampaian hadiah dan sijil telah disempurnakan oleh Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haslin bin Haji Mohd. Noor.

Aktiviti yang merupakan projek tahunan perpustakaan itu, antara lain bertujuan mengajak dan mendidik anak-anak pegawai dan kakitangan di kementerian berkenaan untuk mengisikan masa lapang cuti persekolahan mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah sekaligus memupuk nilai-nilai keislaman, sifat keberanian, budaya berdaya-saing, serta menggalakkan mereka untuk mendekatkan diri lagi dengan perpustakaan sebagai sumber maklumat.

LEBIH 50 anak pegawai dan kakitangan KHEU menyertai aktiviti dianjurkan oleh Perpustakaan KHEU.